

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor secara menyeluruh pada akhir tahun 2021 di samping membantu Kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

Apa yang ditemui Audit?

- Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM2.804 bilion, meningkat sebanyak RM358.69 juta (14.7%) berbanding RM2.445 bilion pada akhir tahun 2020.
- Pada tahun 2021, Kerajaan Negeri Selangor memperoleh hasil berjumlah RM2.284 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM26.44 juta (1.2%) berbanding tahun 2020 yang berjumlah RM2.258 bilion.
- Semua kategori hasil menunjukkan peningkatan kecuali Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai pada tahun 2021 berjumlah RM627.19 juta (2020: RM619.31 juta), meningkat sebanyak RM7.88 juta (1.3%). Hasil Bukan Cukai pada tahun 2021 berjumlah RM1.437 bilion (2020: RM1.360 bilion), meningkat sebanyak RM76.53 juta (5.6%). Terimaan Bukan Hasil tahun 2021 berjumlah RM219.88 juta (2020: RM277.85 juta), iaitu menurun sebanyak RM57.97 juta (20.9%).
- Perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya menurun sebanyak RM107.77 juta (5%) daripada RM2.142 bilion pada tahun 2020 kepada RM2.034 bilion pada tahun 2021.

- Perbelanjaan mengurus tertinggi adalah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap RM1.069 bilion (52.6%), Perkhidmatan dan Bekalan RM459.16 juta (22.6%) serta Emolumen RM455.52 juta (22.4%).
- Kerajaan negeri mencatat lebihan di Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM250.34 juta pada tahun 2021 berbanding lebihan berjumlah RM116.13 juta pada tahun 2020. Dengan mengambil kira lebihan ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 meningkat menjadi RM633.76 juta (2020: RM383.42 juta).
- Pada akhir tahun 2021, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM988.26 juta (2020: RM1.124 bilion), menurun sebanyak RM136.12 juta (12.1%).
- Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM23.89 juta (24.9%) daripada RM95.68 juta kepada RM71.79 juta pada tahun 2021. Faktor utama penurunan ini disebabkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah membuat bayaran pokok pada tahun 2021 berjumlah RM30.40 juta.
- Pada tahun 2021, Hutang Awam telah mencatatkan penurunan sebanyak RM1.073 billion (97.1%) kepada RM31.51 juta berbanding RM1.105 bilion pada tahun 2020. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada tahun 2021 berjumlah RM0.86 juta (2020: RM59.52 juta).
- Tunggakan Hutang Awam adalah disebabkan tiada bayaran balik dibuat bagi baki hutang projek bekalan air yang masih belum dinovasi kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB).

Apa Yang Disyorkan Audit

- Bagi mempertingkat dan memperkuuhkan lagi prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan untuk mempertimbangkan perkara berikut:
 - memastikan semua jabatan negeri mengambil langkah proaktif untuk memastikan tuntutan/bil diterima dan diselesaikan pembayarannya sebelum tarikh penutupan akaun bagi mengurangkan pembayaran di bawah AP58(a); dan
 - meningkatkan usaha mengutip tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL	↑ AKAUN HASIL DISATUKAN	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
2021 – RM2.284 bilion	2021 – RM633.76 juta	2021 – RM0.988 bilion
2020 – RM2.258 bilion	2020 – RM383.42 juta	2020 – RM1.124 bilion
↓ BELANJA	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	↑ PELABURAN
2021 – RM2.008 bilion	2021 - RM0	2021 – RM413.75 juta
2020 – RM2.164 bilion	2020 - RM0	2020 – RM191.10 juta
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN	↓ HUTANG AWAM
	2021 – RM2.170 bilion	2021 – RM0.031 bilion
	2020 – RM2.062 bilion	2020 – RM1.105 bilion

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2021, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan dana di mana jumlah hasil dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya dalam sesuatu tahun kewangan. Bagi tahun 2021, sumber dana Kerajaan negeri berjumlah RM2.284 bilion terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Dana ini digunakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM2.008 bilion. Pada akhir tahun 2021, Kerajaan negeri mencatat lebihan dana berjumlah RM275.83 juta berbanding RM93.22 juta pada akhir tahun 2020. Kedudukan prestasi kewangan Kerajaan negeri bagi tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1
PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2021 BERBANDING 2020**

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
HASIL:				
Hasil Cukai	627.19	619.31	7.88	1.3
Hasil Bukan Cukai	1,437.02	1,360.49	76.53	5.6
Terimaan Bukan Hasil	219.88	277.85	(57.97)	(20.9)
JUMLAH HASIL	2,284.09	2,257.65	26.44	1.2
(-) Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	1,160.37	1,216.18	(55.81)	(4.6)
(-) Belanja Pembangunan	847.89	948.25	(100.36)	(10.6)
JUMLAH PERBELANJAAN	2,008.26	2,164.43	(156.17)	(7.2)
LEBIHAN/DEFISIT	275.83	93.22	182.61	195.9
Dibiayai oleh: Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	4.88	-	4.88	100.0
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	22.91	21.41	1.50	7.0
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	(303.62)	(114.63)	(188.99)	(164.9)
JUMLAH PEMBIAYAAN	(275.83)	(93.22)	(182.61)	(195.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

3.2 Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan negeri bagi tahun 2021 adalah kukuh kerana memperoleh lebihan berjumlah RM275.83 juta, iaitu meningkat sebanyak RM182.61 juta (195.9%) berbanding lebihan RM93.22 juta pada tahun 2020.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 adalah berjumlah RM2.804 bilion. Jumlah ini merupakan baki terkumpul bagi tiga akaun, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sebanyak RM358.69 juta kepada RM2.804 bilion pada tahun 2021 berbanding RM2.445 bilion pada tahun 2020. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan baki Akaun Hasil Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan masing-masing berjumlah RM250.34 juta dan RM108.35 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Selangor pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Hasil Disatukan	633.76	383.42	250.34	65.3
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	2,170.05	2,061.70	108.35	5.3
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,230.62	1,133.87	96.75	8.5
• Kumpulan Wang Pembangunan	100.00	50.00	50.00	100.0
• Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	2.38	2.75	(0.37)	(13.5)
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,099.31	1,055.47	43.84	4.2
• Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	28.93	25.65	3.28	12.8
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	360.31	310.79	49.52	15.9
c. Akaun Deposit	579.12	617.04	(37.92)	(6.1)
BAKI PADA 31 DISEMBER	2,803.81	2,445.12	358.69	14.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020


4.2. Analisis trend baki Kumpulan Wang Disatukan menurun bagi tempoh 2017 hingga 2018, iaitu daripada RM2.838 bilion kepada RM2.135 bilion pada tahun 2018. Bagaimanapun, baki Kumpulan Wang Disatukan menunjukkan peningkatan pada tahun 2019 hingga 2021 daripada RM2.141 bilion kepada RM2.804 bilion. Baki Akaun Hasil Disatukan menurun pada tahun 2017 hingga 2019, iaitu daripada RM1.082 bilion kepada RM267.29 juta dan meningkat semula kepada RM383.42 juta pada tahun 2020 dan RM633.76 juta pada tahun 2021. Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar dari tahun 2017 hingga 2021 kerana semua terimaan pinjaman pada tahun tersebut telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Sementara itu, baki Akaun Amanah Disatukan menurun daripada RM1.756 bilion pada tahun 2017 kepada RM1.672 bilion pada tahun 2018. Bagaimanapun, baki Akaun Amanah Disatukan meningkat semula pada tahun 2019 daripada RM1.874 bilion kepada RM2.170 bilion pada tahun 2021. Trend Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN
PADA TAHUN 2017 HINGGA 2021

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Akaun Hasil Disatukan	1,082.36	463.09	267.29	383.42	633.76
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	1,756.45	1,672.28	1,874.47	2,061.70	2,170.05
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	971.15	904.75	1,070.87	1,133.87	1,230.62
• Kumpulan Wang Pembangunan	157.81	41.44	50.00	50.00	100.00
• Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	24.47	18.42	6.31	2.75	2.38
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	769.33	821.42	987.41	1,055.47	1,099.31
• Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	19.54	23.47	27.15	25.65	28.93
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	533.28	423.29	376.26	310.79	360.31
c. Akaun Deposit	252.02	344.24	427.34	617.04	579.12
BAKI PADA 31 DISEMBER	2,838.81	2,135.37	2,141.76	2,445.12	2,803.81

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai Wang Awam. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada baki akaun semasa dan pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga bulan atau kurang di Institusi Kewangan yang diluluskan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang diterima dan telah dikeluarkan resit penerimaannya tetapi belum dimasukkan ke dalam bank pada atau sebelum 31 Disember tahun semasa serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Wang Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas yang diluluskan kepada pemegang panjar.

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai pada akhir tahun 2021 menunjukkan penurunan sebanyak RM171.31 juta (64.1%), iaitu daripada RM267.29 juta pada tahun 2020 kepada RM95.98 juta pada tahun 2021. Baki Wang Tunai Dalam Bank menurun sebanyak RM171.35 juta (65%) pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya. Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan peningkatan sebanyak RM0.04 juta (200%), iaitu daripada RM0.02 juta pada tahun 2020 kepada RM0.06 juta pada tahun 2021 manakala tiada perubahan bagi baki Wang Tunai Dalam Tangan. Secara keseluruhannya, penurunan baki Wang Tunai Dalam Bank pada akhir tahun 2021 adalah disebabkan tunai yang diterima telah digunakan untuk perbelanjaan operasi manakala lebihan tunai digunakan untuk deposit pelaburan simpanan tetap. Peningkatan Wang Tunai Dalam Perjalanan adalah disebabkan oleh terimaan wang pada 31 Disember 2021 selepas proses penutupan akaun dilakukan. Kedudukan baki wang tunai pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KEDUDUKAN BAKI WANG TUNAI
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
WANG TUNAI				
1. Wang Tunai Dalam Bank	92.26	263.61	(171.35)	(65.0)
2. Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.06	0.02	0.04	200.0
3. Wang Tunai Dalam Tangan	3.66	3.66	-	-
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER	95.98	267.29	(171.31)	(64.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

5.2. Pelaburan

5.2.1 Mengikut Perenggan 8(3)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di bank dan pelaburan saham sekiranya mempunyai lebihan wang. Pada tahun 2021, komponen terbesar dalam pelaburan adalah Deposit Dalam Negeri [simpanan tetap melebihi tiga bulan] adalah berjumlah RM1.505 bilion. Perkara ini selaras dengan Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan 1957 yang membolehkan Kerajaan negeri melabur lebihan tunai dalam deposit di bank dan institusi kewangan serta saham.

5.2.2. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan pada akhir tahun 2021 dan 2020 menunjukkan peningkatan sebanyak RM530 juta (24.3%) disebabkan perkara berikut:

- a. Pelaburan menggunakan dana Tabung Warisan Negeri Selangor, Tabung Amanah Bencana Alam dan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor meningkat sebanyak RM75 juta (8.7%) menjadi RM940.42 juta pada tahun 2021 berbanding RM865.42 juta pada tahun 2020. Pelaburan ini antaranya dibuat dalam bentuk simpanan tetap, deposit jangka pendek, unit saham amanah, mandat pengurusan dana dan saham syarikat. Saham syarikat antaranya terdiri daripada Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.
- b. Deposit Dalam Negeri yang merupakan salah satu komponen Pelaburan Am menunjukkan peningkatan sebanyak RM465 juta (44.7%) daripada RM1.040 bilion pada tahun 2020 kepada RM1.505 bilion pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan peletakan lebihan tunai pada tahun tersebut di dalam Simpanan Tetap bagi mendapatkan pulangan faedah atas pelaburan yang optimum.
- c. Pada tahun 2021, faedah yang diterima oleh Kerajaan negeri bagi pelaburan Deposit Dalam Negeri telah menurun sebanyak RM7.77 juta (14.9%), iaitu daripada RM52.13 juta kepada RM44.36 juta. Penurunan hasil faedah ini adalah disebabkan penurunan *Overnight Policy Rate* (OPR) yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sebanyak 125 mata asas pada tahun 2020 daripada 3% kepada 1.75% dan ianya kekal sehingga tahun 2021. Penurunan kadar OPR telah memberi kesan terhadap penurunan pulangan faedah yang ketara pada tahun 2021. Kedudukan Pelaburan pada akhir tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
KEDUDUKAN PELABURAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN			
			(RM Juta)	(%)		
PELABURAN						
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah*						
1. Tabung Warisan Negeri Selangor	730.29	689.49	40.80	5.9		
2. Tabung Amanah Bencana Alam	81.71	77.52	4.19	5.4		
3. Tabung Amanah Warisan Anak Selangor	128.42	98.41	30.01	30.5		
JUMLAH	940.42	865.42	75.00	8.7		
PELABURAN AM**						
1. Saham	262.41	262.41	-	-		
2. Deposit Dalam Negeri	1,505.00	1,040.00	465.00	44.7		
3. Jaminan Bank Pertanian Malaysia	0.00	10.00	(10.00)	(100.0)		
JUMLAH	1,767.41	1,312.41	455.00	34.7		
PELABURAN PADA 31 DISEMBER	2,707.83	2,177.83	530.00	24.3		

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) - Pelaburan lebihan dana kumpulan wang/akaun amanah selaras dengan Arahan Amanah (Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957) dan Surat Ikatan Amanah (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957) serta peraturan yang berkuat kuasa

(**) - Pelaburan lebihan dana Kumpulan Wang Disatukan


5.2.3. Analisis trend kedudukan pelaburan Kerajaan negeri bagi tempoh lima tahun dari tahun 2017 hingga 2021 mendapat jumlah pelaburan menurun pada tahun 2018 dan meningkat semula dari tahun 2019 hingga 2021. Trend Kedudukan Pelaburan pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 6** dan **Carta 2**.

JADUAL 6
KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	665.31	709.42	790.11	865.42	940.42
Pelaburan Am	1,448.41	1,008.41	1,172.40	1,312.41	1,767.41
BAKI PADA 31 DISEMBER	2,113.72	1,717.83	1,962.51	2,177.83	2,707.83

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 2
KEDUDUKAN PELABURAN BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98, Perlembagaan Persekutuan dan Perenggan 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan bagi satu tahun kewangan.

6.2. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2021 dengan lebihan di Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM250.34 juta berbanding RM116.13 juta pada tahun 2020. Ini menunjukkan lebihan yang dicatatkan pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM134.21 juta (115.6%) kesan daripada peningkatan hasil sebanyak RM26.44 juta (1.2%) dan penurunan perbelanjaan sebanyak RM107.77 juta (5%). Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan tahun 2021 meningkat menjadi RM633.76 juta berbanding RM383.42 juta pada tahun 2020. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	383.42	267.29	116.13	43.4
Hasil	2,284.09	2,257.65	26.44	1.2
Perbelanjaan Mengurus*	2,033.75	2,141.52	(107.77)	(5.0)
LEBIHAN/DEFISIT	250.34	116.13	134.21	115.6
BAKI PADA 31 DISEMBER	633.76	383.42	250.34	65.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

Nota: (*) - Termasuk Caruman Kumpulan Wang Pembangunan Berjumlah RM873.38 juta.


6.3. Analisis trend kedudukan Akaun Hasil Disatukan menunjukkan Kerajaan negeri telah mencatat lebihan pada tahun 2020 dan 2021 berbanding defisit pada tahun 2017 hingga 2019. Trend Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh lima tahun dari tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 8** dan **Carta 3**.

JADUAL 8
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	1,450.92	1,082.36	463.09	267.29	383.42
Hasil	2,810.10	1,998.52	2,320.17	2,257.65	2,284.09
Perbelanjaan Mengurus	3,178.66	2,617.79	2,515.97	2,141.52	2,033.75
LEBIHAN/DEFISIT	(368.56)	(619.27)	(195.80)	116.13	250.34
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,082.36	463.09	267.29	383.42	633.76

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 3
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

6.4. Hasil

6.4.1 Hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah meluluskan anggaran hasil berjumlah RM2.200 bilion manakala kutipan hasil sebenar berjumlah RM2.284 bilion melebihi anggaran yang diluluskan. Lebihan ini disumbang oleh Hasil Bukan Cukai berjumlah RM1.437 bilion (109.6%) berbanding anggaran berjumlah RM1.310 bilion. Kutipan hasil sebenar berbanding anggaran pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN TAHUN 2021

JENIS HASIL	ANGGARAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
Hasil Cukai	668.71	627.19	93.8
Hasil Bukan Cukai	1,310.74	1,437.02	109.6
Terimaan Bukan Hasil	220.55	219.88	99.7
JUMLAH	2,200.00	2,284.09	103.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

6.4.2. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021 adalah berjumlah RM2.284 bilion, iaitu meningkat sebanyak RM26.44 juta (1.2%) berbanding RM2.258 bilion tahun 2020. Penyumbang utama kepada peningkatan ini adalah terdiri daripada Hasil Bukan Cukai dan Hasil Cukai masing-masing sebanyak RM76.53 juta (5.6%) dan RM7.88 juta (1.3%). Kutipan hasil sebenar tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
KUTIPAN HASIL SEBENAR TAHUN 2021 BERBANDING 2020

JENIS HASIL	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	627.19	619.31	7.88	1.3
Hasil Bukan Cukai	1,437.02	1,360.49	76.53	5.6
Terimaan Bukan Hasil	219.88	277.85	(57.97)	(20.9)
JUMLAH	2,284.09	2,257.65	26.44	1.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.4.3. Analisis trend menunjukkan kutipan hasil untuk tempoh lima tahun mencatat penurunan pada tahun 2018 dan 2020 manakala tahun 2019 dan 2021 menunjukkan peningkatan seperti dalam **Jadual 11** dan **Carta 4**.

JADUAL 11
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Hasil Cukai	666.38	654.54	700.71	619.31	627.19
Hasil Bukan Cukai	1,929.11	1,061.52	1,338.44	1,360.49	1,437.02
Terimaan Bukan Hasil	214.61	282.46	281.02	277.85	219.88
JUMLAH	2,810.10	1,998.52	2,320.17	2,257.65	2,284.09

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 4
KEDUDUKAN KUTIPAN HASIL BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

6.4.4. Analisis lanjut mendapati lima penyumbang utama hasil kerajaan negeri bagi tahun 2021 adalah terdiri daripada Premium bagi Geran, Cukai Tanah Semasa/Berulang, Pemberian Mengikut Ramai Penduduk, Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri serta Permit Tanah dan Galian. Kelima-lima butiran hasil ini menyumbang sebanyak RM1.802 bilion (78.9%) daripada keseluruhan hasil berjumlah RM2.284 bilion. Kutipan Premium bagi Geran merupakan penyumbang terbesar dengan jumlah RM1.128 bilion diikuti dengan Cukai Tanah Semasa/Berulang berjumlah RM449.86 juta. Kutipan bagi lima penyumbang utama hasil tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 12.**

JADUAL 12
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Premium Bagi Geran	1,128.29	1,057.74	70.55	6.7
2.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	449.86	453.34	(3.48)	(0.8)
3.	Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	76.58	75.94	0.64	0.8
4.	Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri	75.75	82.30	(6.55)	(8.0)
5.	Permit Tanah dan Galian	72.50	79.69	(7.19)	(9.0)
JUMLAH		1,802.98	1,749.01	53.97	3.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020


6.4.5. Analisis bagi kutipan lima butiran hasil iaitu Premium bagi Geran, Cukai Tanah Semasa/Berulang, Pemberian Mengikut Ramai Penduduk, Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri serta Permit Tanah dan Galian menunjukkan trend turun naik dari tahun 2017 hingga 2021. Trend kedudukan kutipan bagi lima butiran hasil tersebut untuk tempoh 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 13** dan **Carta 5**.

JADUAL 13
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021

BIL.	BUTIRAN	2017		2018		2019		2020		2021	
		(RM Juta)	(%)								
1.	Premium bagi Geran	1,537.44	68.4	618.74	46.9	1,008.37	58.4	1,057.74	60.5	1,128.29	62.6
2.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	480.74	21.4	461.68	35.0	465.99	27.0	453.34	25.9	449.86	24.9
3.	Pemberian Mengikut Ramai Penduduk	73.75	3.3	74.52	5.6	75.25	4.4	75.94	4.3	76.58	4.3
4.	Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri	66.46	3.0	72.94	5.5	79.62	4.6	82.30	4.7	75.75	4.2
5.	Permit Tanah dan Galian	87.90	3.9	92.44	7.0	96.59	5.6	79.69	4.6	72.50	4.0
JUMLAH		2,246.29	100.0	1,320.32	100.0	1,725.82	100.0	1,749.01	100.0	1,802.98	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 5
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

6.4.6. Analisis Audit mendapati justifikasi peningkatan kutipan hasil sebanyak RM26.44 juta (1.2%) pada tahun 2021 adalah disebabkan oleh peningkatan Hasil Bukan Cukai yang terdiri daripada Premium Bagi Geran, Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah, Faedah daripada Pinjaman Kumpulan Pinjaman Perumahan dan Premium Pajakan Tanah Rizab Kerajaan. Perbandingan bagi lima butiran hasil berkenaan pada tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
			(RM Juta)	(%)	
Hasil Bukan Cukai					
Premium bagi Geran (73602)	1,128.29	1,057.74	70.55	6.7	<ul style="list-style-type: none"> Kutipan premium melibatkan tanah yang mempunyai kadar nilai yang tinggi. Pelanjutan tempoh pembayaran premium dan premium tambahan secara tidak langsung membantu dalam kutipan premium tanah.
Bayaran Pendaftaran Pindah Milik Tanah (72462)	44.06	36.89	7.17	19.4	<ul style="list-style-type: none"> Pengoperasian penuh kaunter urusan di semua Pejabat Daerah/Tanah dan Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) selepas peralihan fasa Pelan Pemuliharaan Negara (PPN). Sistem <i>Smartbox</i> yang diperkenalkan oleh PTGS memudahkan urusan perseronan dan bayaran yang tidak lagi terikat dengan kekangan di kaunter seperti sebelum ini.

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
			(RM Juta)	(%)	
Faedah daripada Pinjaman Kumpulan Pinjaman Perumahan (75603)	6.94	0.04	6.90	17,250.0	Faedah pinjaman perumahan dikredikan ke Akaun Hasil Kerajaan negeri selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan berbanding tahun sebelum yang mana faedah atas pinjaman perumahan dipermudahkan bagi tujuan pertambahan siling peruntukan.
Premium Pajakan Tanah Rizab Kerajaan (73612)	15.48	10.83	4.65	42.9	Peningkatan bilangan permohonan dan premium telah dijelaskan mengikut tempoh yang ditetapkan dalam tahun semasa oleh pemohon yang telah mendapat kelulusan.
Bayaran Perkhidmatan yang Lain (72499)	20.62	16.57	4.05	24.4	Meningkat berikutan dengan peningkatan kutipan urusan Pindah Milik Tanah melalui Sistem <i>Smartbox</i> yang diperkenalkan dan digunakan oleh PTGS yang memudahkan operasi Jabatan dan kemudahan kepada pelanggan untuk berurusan dengan PTGS.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.4.7. Analisis Audit juga telah dijalankan terhadap lima butiran hasil yang menunjukkan penurunan ketara pada tahun 2021 seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
			(RM Juta)	(%)	
Terimaan Bukan Hasil					
Pemberian Pertambahan Hasil (82308)	0.00	35.53	(35.53)	(100.0)	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) mengesahkan bahawa Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan menunjukkan bahawa hasil tahun 2020 menurun berbanding tahun sebelumnya.
Pemberian Kos Perkhidmatan di atas Pelaksanaan Pembangunan Persekutuan (82311)	2.53	14.26	(11.73)	(82.3)	Pemberian ini disalurkan berdasarkan jumlah permohonan oleh Kerajaan negeri kepada MOF. Pada tahun 2021, berlaku penurunan jumlah projek iaitu 98 projek berbanding tahun 2020 sebanyak 171 projek disebabkan Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP) dan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi mengkekang Covid-19.
Pemberian dan Caruman yang Lain (82399)	0.00	11.45	(11.45)	(100.0)	<ul style="list-style-type: none"> Geran tahunan tidak lagi diterima daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi bayaran elauan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung-Kampung Baru bagi tahun 2021. Pemberian Pelancongan telah diselaraskan kepada kod 82331 kerana Bahagian Khidmat Perunding Jabatan Aktauntan Negera (BKP JANM) telah mewujudkan kod hasil khusus untuk hasil Pemberian Pelancongan daripada Kerajaan Persekutuan.
Pemberian 50% Kos Pengurusan Jabatan Negeri (82309)	75.75	82.30	(6.55)	(8.0)	Kerajaan negeri tidak menerima pemberian bagi Majlis Sukan Negara (MSN) dalam tahun 2021.

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
			(RM Juta)	(%)	
Diskaun Diterima (86501)	0.09	0.56	(0.47)	(83.9)	Kod ini merekodkan transaksi nota kredit (mengurangkan amaun Pesanan Tempatan(LO)) disebabkan oleh perbezaan harga asal semasa pengeluaran LO berbanding harga pada invois oleh pembekal. Pada tahun 2021, berlaku pengurangan transaksi perbezaan harga.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Hasil Kerajaan negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Maksud Tanggungan dan Maksud Bekalan. Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan hutang negeri. Maksud Bekalan pula adalah merupakan emolumen, semua kenaan kepada peruntukan belanjawan bagi barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Peruntukan yang diluluskan menurun sebanyak RM82.82 juta (3.5%), iaitu daripada RM2.391 bilion pada tahun 2020 kepada RM2.308 bilion pada tahun 2021. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
PERUNTUKAN DILULUSKAN BAGI
PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2021 BERBANDING 2020

MAKSUD PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Emolumen	471.50	451.31	20.19	4.5
Perkhidmatan dan Bekalan	487.63	494.53	(6.90)	(1.4)
Aset	9.76	8.34	1.42	17.0
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,291.56	1,375.36	(83.80)	(6.1)
Perbelanjaan Lain	47.55	61.28	(13.73)	(22.4)
JUMLAH	2,308.00	2,390.82	(82.82)	(3.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.5.2. Pada tahun 2021, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri adalah berjumlah RM2.034 bilion yang merupakan 88.1% daripada peruntukan diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor berjumlah RM2.308 bilion. Perbandingan perbelanjaan mengurus sebenar dengan peruntukan yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR
BERBANDING PERUNTUKAN DILULUSKAN TAHUN 2021

MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	BELANJA (%)
Emolumen	471.50	455.52	96.6
Perkhidmatan dan Bekalan	487.63	459.16	94.2
Aset	9.76	9.08	93.0
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	1,291.56*	1,069.09	82.8
Perbelanjaan Lain	47.55	40.90	86.0
JUMLAH	2,308.00	2,033.75	88.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

Nota: (*) – Termasuk Caruman Kumpulan Wang Pembangunan Berjumlah RM873.38 juta

6.5.3. Perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya menurun sebanyak RM107.77 juta (5%), iaitu daripada RM2.142 bilion pada tahun 2020 kepada RM2.034 bilion pada tahun 2021. Perbelanjaan mengurus tertinggi adalah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM1.069 bilion di bawah Vot B06, iaitu Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan berjumlah RM873.38 juta dan Vot B02, iaitu Bendahari Negeri (Pelbagai) berjumlah RM73.88 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2021 BERBANDING 2020

MAKSUD PERBELANJAAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Emolumen	455.52	429.29	26.23	6.1
Perkhidmatan dan Bekalan	459.16	468.25	(9.09)	(1.9)
Aset	9.08	8.06	1.02	12.7
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,069.09	1,190.98	(121.89)	(10.2)
Perbelanjaan Lain	40.90	44.94	(4.04)	(9.0)
JUMLAH	2,033.75	2,141.52	(107.77)	(5.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

6.5.4. Antara butiran perbelanjaan yang mencatat justifikasi penurunan dan peningkatan yang tertinggi pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 19** dan **Jadual 20**.

JADUAL 19
JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN
MENGURUS YANG TERTINGGI TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
			(RM Juta)	(%)	
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN					
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	13.38	19.89	(6.51)	(32.7)	Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) Pelaksanaan Program Selangor Prihatin pada tahun 2020 yang melibatkan perolehan pelitup muka bagi menangani kesan Covid-19 dan tiada pelaksanaannya pada tahun 2021 menyebabkan penurunan perbelanjaan.
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP					
Tuntutan Insurans dan Pampasan	6.65	89.43	(82.78)	(92.6)	Perbendaharaan Negeri Tiada bayaran melibatkan tuntutan-tuntutan kes mahkamah dibuat sebagaimana tahun 2020.
PERBELANJAAN LAIN					
Bayaran-Bayaran Lain	38.05	40.92	(2.87)	(7.0)	Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) Peruntukan merupakan bayaran yang dijangkakan untuk sebarang tuntutan mahkamah pada tahun 2021. Bagaimanapun, pada tahun 2021 tuntutan mahkamah berkurang.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

JADUAL 20
JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN
MENGURUS YANG TERTINGGI TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
			(RM Juta)	(%)	
EMOLUMEN					
Bayaran Imbuhan Tahunan dan Bantuan Kewangan	57.83	32.67	25.16	77.0	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Kerja Raya <p>Bayaran Bantuan Kewangan (BKK) diperluaskan kepada kakitangan Awam Persekutuan dan terdapat pengisian perjawatan pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am) <p>Bayaran BKK pada tahun 2021 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2020 dan perbelanjaan adalah bagi menampung jabatan-jabatan yang memerlukan peruntukan tambahan.</p>
ASET					
Kenderaan dan Jentera	2.64	2.00	0.64	32.0	<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perhutanan <p>Peruntukan <i>One-Off</i> berjumlah RM0.21 juta diterima pada tahun 2021 dan tiada peruntukan diterima pada tahun 2020.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perkhidmatan Veterinar <p>Peruntukan bagi pembelian 1 unit Jentera Komatsu Wb93r-5eo Backhoe Leader untuk Pusat Latihan Teknikal diterima pada tahun 2021 dan tiada peruntukan diterima pada tahun 2020.</p>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

6.5.5. Peruntukan tidak dibelanjakan bagi lima aktiviti/program berjumlah RM2.17 juta di empat jabatan adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
JUSTIFIKASI PERUNTUKAN MENGURUS TIDAK DIBELANJAKAN

JABATAN	AKTIVITI/ PROGRAM DAN MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM)	JUSTIFIKASI
Perbendaharaan Negeri Selangor (Perbelanjaan Am)	Pentadbiran dan Kewangan (508010) • Pencen	1,504,982	1,504,982	Peruntukan adalah untuk penambahbaikan Enakmen Anggota Pentadbiran Ahli Dewan Negeri Selangor (Saraan) 1980. Bagaimanapun, berdasarkan situasi semasa pandemik Covid-19, usaha dan komitmen kewangan Kerajaan negeri adalah tertumpu kepada pengurusan pandemik dan kelangsungan hidup rakyat. Justeru itu, pelaksanaan penambahbaikan ditangguhkan ke tahun 2022.
	Pentadbiran dan Kewangan (508010) • Kelengkapan dan Peralatan	147,687	147,687	Peruntukan adalah bagi perolehan projektor Dewan Kenanga Pejabat Tanah dan Daerah Petaling. Bagaimanapun, projektor tersebut lewat diterima daripada pembekal menyebabkan pembayaran tidak dapat dilakukan pada tahun 2021 dan akan dibuat pada tahun 2022.
Pejabat Dewan	Pentadbiran dan Kewangan (503000) • Ganjaran	314,964	307,464	Peruntukan adalah pembayaran ganjaran kepada YB. Tuan Speaker sekiranya berlaku pembubaran Dewan Negeri Selangor. Bagaimanapun, tiada pembubaran berlaku pada tahun 2021.
Jabatan Kerja Raya	Pentadbiran dan Kewangan Dasar Baru (505001) • Sewaan	200,000	162,500	Perolehan tender sewaan komputer telah dilaksanakan pada tahun 2021. Bagaimanapun hanya dua petender yang menghantar dokumen tender. Oleh itu, jawatankuasa telah memutuskan untuk tender semula pada Oktober 2021 dan lantikan pada awal tahun 2022 menyebabkan tiada perbelanjaan dilakukan pada tahun 2021.
Peruntukan Diraja	Kelas IV Pentadbiran Pejabat Istana (141000) • Haiwan, Pokok dan Benih	112,642	44,933	Terdapat pembelian pokok pada tahun 2021. Bagaimanapun setelah semakan, Jabatan menggunakan peruntukan dibawah Kod Objek Sebagai 27000 memandangkan pokok yang dibeli adalah bertujuan untuk hiasan.
JUMLAH		2,280,275	2,167,566	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

6.5.6. Pindah peruntukan yang diluluskan bagi lima aktiviti/program berjumlah RM0.85 juta di lima jabatan tidak dibelanjakan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PINDAH PERUNTUKAN MENGURUS YANG DILULUSKAN TIDAK DIBELANJAKAN

AKTIVITI/ PROGRAM DAN MAKSUD PERBELANJAAN	PINDAH PERUNTUKAN (RM)	PERUNTUKAN SELEPAS PINDAH PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	JUSTIFIKASI
JABATAN AGAMA ISLAM					
<i>Information and Communication Technology (542000)</i> • Perhubungan dan Utiliti	288,000	1,097,807	781,347	316,460	Perbelanjaan kurang daripada jangkaan yang disasarkan berikutan pandemik Covid-19.
JABATAN KERJA RAYA					
Pembinaan dan Penyelenggaraan Jalan Raya dan Jambatan (513000) • Perhubungan dan utiliti	242,962	1,964,525	1,672,242	292,283	Terdapat bil elektrik JKR Kuala Selangor yang tidak diterima daripada pihak TNB untuk dibuat pembayaran. JKR Kuala Selangor dalam proses mengemaskini nombor akaun bil TNB yang baharu bagi tujuan pembayaran dan proses pukal.
PERUNTUKAN DIRAJA					
Kelas IV Pentadbiran Pejabat Istana (141000) • Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	123,314	4,730,120	4,559,934	170,186	Terdapat perkhidmatan yang tidak dapat diselesaikan sebelum penutupan akaun seperti perkhidmatan kawalan keselamatan dan perkhidmatan pakej penginapan dan penerbangan pengiring DYMM yang berjumlah RM0.15 juta.
PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI					
Bahagian Pengurusan Maklumat (553000) • Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	100,000	1,512,159	1,376,298	135,861	Kekangan yang disebabkan oleh PKP menyebabkan peruntukan tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya.
PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR (PERBELANJAAN AM)					
Pentadbiran dan Kewangan (508010) • Kenderaan dan Jentera	99,724	99,734	0	99,734	Peruntukan adalah bagi perolehan sebuah kenderaan pengiring untuk Pejabat Istana. Bagaimanapun, kenderaan tersebut tidak dapat dibekalkan sebelum tarikh penutupan akaun pada tahun 2021.
JUMLAH	854,000	9,404,345	8,389,821	1,014,524	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

6.5.7. Lima aktiviti/program di empat jabatan bagi justifikasi perbelanjaan kurang daripada 50% berbanding peruntukan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
PERBELANJAAN MENGURUS KURANG DARIPADA 50% BERBANDING PERUNTUKAN

JABATAN	AKTIVITI/PROGRAM DAN MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	PERATUS BELANJA (%)	JUSTIFIKASI
Perbendaharaan Negeri Selangor	Pentadbiran dan Kewangan (505000) • Bayaran-bayaran Lain	1,981,668	368,730	18.6	Peruntukan adalah bertujuan berkaitan tuntutan kes-kes mahkamah Negeri Selangor. Berikutan pandemik Covid-19, proses perbicaraan bagi kes-kes mahkamah turut ditangguhkan dan menyebabkan permohonan tuntutan bayaran berkaitan perintah mahkamah mengalami penurunan.
Jabatan Perhutanan	Operasi Hutan (560000) • Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain yang Dibeli dan Hospitaliti	285,303	77,063	27.0	Kekangan yang disebabkan oleh penularan Covid-19 menyebabkan banyak perkhidmatan tidak dapat dilaksanakan dan peruntukan tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya.
Pejabat Dewan Negeri Selangor	Pentadbiran dan Kewangan (505000) • Perhubungan dan Utiliti	242,881	65,534	27.0	Tempoh Persidangan Dewan Negeri disingkatkan serta arahan PKP yang mengehadkan keberadaan di pejabat menyebabkan perbelanjaan berkurang.
	Pentadbiran dan Kewangan (505000) • Faedah-faedah Kewangan yang Lain	228,257	13,492	5.9	Terdapat kerani kawasan yang meletak jawatan dan tiada pelantikan semula dilakukan oleh YB. Ahli Dewan Negeri.
Pejabat Daerah dan Tanah Gombak	Pengurusan Tanah (525000) • Elaun Lebih Masa	134,515	35,873	26.7	Kekangan yang disebabkan oleh PKP menyebabkan peruntukan tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya.
JUMLAH		2,872,624	560,692	19.5	


Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

6.5.8. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- Arahan Perbendaharaan (AP)58(a) memperuntukkan bahawa pembayaran untuk bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Pada

tahun 2021, bayaran di bawah AP58(a) berjumlah RM6.08 juta menurun sebanyak RM3.37 juta (35.7%) berbanding RM9.45 juta pada tahun 2020. Penurunan ini berlaku disebabkan pemakluman awal berkenaan penutupan akaun bagi tahun kewangan tahun 2020 yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri. Bayaran di bawah AP58(a) menunjukkan peningkatan pada tahun 2017 hingga 2019 dan menurun semula pada tahun 2020 dan 2021 seperti dalam **Carta 6**.


CARTA 6
BAYARAN DI BAWAH
ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a) BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

- b. Pada tahun 2021, antara jenis perbelanjaan AP58(a) yang tertinggi daripada bulan Januari sehingga Disember adalah pembayaran di bawah kod 20000 iaitu bayaran Bekalan dan Perkhidmatan. Pembayaran di bawah kod 20000 pada suku tahun pertama adalah berjumlah RM4.52 juta, RM501,842.42 pada suku tahun kedua manakala pada suku tahun ketiga dan keempat masing-masing menunjukkan jumlah RM121,187.62 dan RM51,963.68. Pembayaran di bawah kod Emolumen 10000, iaitu bagi bayaran lebih masa kakitangan dan ganjaran bagi kakitangan kontrak merupakan perbelanjaan AP58(a) tertinggi selepas kod objek 20000. Pecahan bayaran mengikut suku tahun adalah berjumlah RM676,441.53 bagi suku tahun pertama diikuti dengan RM28,759.86 pada suku tahun kedua. Bayaran bagi suku tahun ketiga dan keempat adalah berjumlah RM11,237.38 dan RM6,999.20. Selain itu, jenis perbelanjaan kod 40000 bagi bayaran Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap adalah berjumlah RM117,837.82 bagi suku tahun pertama dan RM38,975.71 bagi suku tahun kedua. Pada suku tahun ketiga bayaran di bawah kod 40000 berjumlah RM2,883.86. Butiran adalah seperti dalam **Carta 7**.

CARTA 7
PERBELANJAAN BAGI BAYARAN AP58(a) MENGIKUT KOD PENJENISAN



Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- c. Analisis Audit mendapati pembayaran tanggungan 2020 yang dibayar pada tahun 2021 adalah berjumlah RM6.08 juta. **Jadual 24** menunjukkan lima Jabatan yang mempunyai tanggungan tertinggi dan perihal pembayaran yang dibuat pada tahun 2021.

JADUAL 24
PEMBAYARAN TANGGUNGAN TAHUN 2020 DI BAWAH AP58(a)

JABATAN		PERIHAL BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Jabatan Agama Islam Selangor	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan, Perkhidmatan Pembersihan Bangunan, Sewaan Mesin Fotostat, Bacaan Meter Fotostat, Bantuan Khas Kewangan dan Bayaran Perubatan	1,659,696.71
2.	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Bayaran Perubatan, Elaun Lebih Masa, Bayaran Utiliti, Bantuan Khas Kewangan dan Gaji Pekerja Sambilan Harian	1,463,797.24
3.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	Sewaan Mesin Fotostat, Bacaan Meter Fotostat, Bantuan Khas Kewangan, Iklan Warta Kerajaan dan Bayaran Perubatan	356,352.47
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor	Bayaran Perubatan, Elaun Lebih Masa, Bayaran Utiliti, Bantuan Khas Kewangan dan Elaun Praktikal	340,683.75
5.	Pengelola Bijaya Diraja	Bayaran Perubatan, Elaun Lebih Masa dan Bayaran Utiliti	320,625.55
JUMLAH			4,141,155.72

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

d. Analisis Audit juga telah dijalankan bagi pembayaran AP58(a) Tahun 2020 mendapati sejumlah RM5.89 juta pembayaran AP58(a) bagi bulan Januari hingga Jun 2021 melibatkan 3,927 baucar dan sejumlah RM0.19 juta bayaran bagi bulan Julai hingga Disember melibatkan 283 baucar. **Jadual 25** menunjukkan lima jabatan tertinggi bagi pembayaran AP58(a) selepas bulan Jun beserta perihal pembayaran.

JADUAL 25
PEMBAYARAN AP58(a) TAHUN 2020 SELEPAS BULAN JUN 2021

JABATAN		PERIHAL BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Pejabat Daerah/ Tanah Hulu Selangor	Bayaran Perubatan, Bayaran Utiliti dan Iklan Warta Kerajaan	72,546.34
2.	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Bayaran Perubatan	62,416.15
3.	Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor	Sewaan Mesin Fotostat dan Bacaan Meter Fotostat	34,683.63
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran Daerah Sabak Bernam	Bayaran Kepada PERKESO	9,265.20
5.	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan dan PERKESO	5,185.13
JUMLAH			184,096.45

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- e. Semua bayaran di bawah AP58(a) bagi tahun 2021 telah dibuat mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Antara tujuan bayaran ini adalah untuk bayaran perkhidmatan pembersihan, perkhidmatan penyenggaraan, perkhidmatan kawalan keselamatan, sewaan komputer dan mesin pencetak, percetakan dan pengiklanan, bayaran hospital dan bil perubatan, bayaran balik emolumen, elauan lebih masa serta bil utiliti. Bayaran AP 58(a) berlaku disebabkan tuntutan/bil lewat diterima.
- f. Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengeluarkan surat arahan kepada semua jabatan di Negeri Selangor supaya menyelesaikan semua permohonan pembayaran di bawah AP58(a) selewat-lewatnya pada 30 Jun setiap tahun dan sebarang kelewatan permohonan selepas tempoh tersebut tidak akan diproses.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

- 7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perenggan 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan bayaran yang berkaitan serta pindahan penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

7.2. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri tidak menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pinjaman berjumlah RM4.88 juta adalah pinjaman bagi tahun 2020 yang diakaunkan pada tahun 2021. Pinjaman ini adalah untuk membiayai Projek Menaik Taraf Rumah Pam.

7.3. Pada tahun 2021, pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan menunjukkan baki sifar selepas RM4.88 juta dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan 5 (Akaun Pinjaman Disatukan). **Jadual 26** menunjukkan Akaun Pinjaman Disatukan yang berbaki sifar pada tahun 2020 dan 2021 serta urus niaga terimaan dan bayaran/pindahan yang berkaitan.

JADUAL 26
KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan	4.88	0.00	4.88	100.0
Bayaran/Pindahan	4.88	0.00	4.88	100.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	0.00	0.00	0.00	0.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua penerimaan dan pembayaran wang amanah mengikut kehendak akta amanah, arahan amanah dan surat ikatan amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957, undang-undang dan perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2021 berjumlah RM2.170 bilion berbanding RM2.061 bilion pada akhir tahun 2020, iaitu meningkat sebanyak RM108.35 juta (5.3%). Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Amanah Awam masing-masing sebanyak RM96.75 juta (8.5%) dan RM49.52 juta (15.9%). Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 27**.


JADUAL 27
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
	(RM Juta)	(%)		
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,230.62	1,133.87	96.75	8.5
• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	100.00	50.00	50.00	100.0
• <i>Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan</i>	2.38	2.75	(0.37)	(13.5)
• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	1,099.31	1,055.47	43.84	4.2
• <i>Kumpulan Wang Pembangunan Hutan</i>	28.93	25.65	3.28	12.8
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	360.31	310.79	49.52	15.9
c. Akaun Deposit	579.12	617.04	(37.92)	(6.1)
JUMLAH	2,170.05	2,061.70	108.35	5.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.2. Analisis trend menunjukkan kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 8**.

CARTA 8
AKAUN AMANAH DISATUKAN BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Negeri Selangor dan hanya boleh digunakan bagi maksud ia ditubuhkan. Pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor. Kumpulan wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

8.3.1. Kumpulan Wang Pembangunan

a. Prestasi Kewangan

- i. Kumpulan Wang Pembangunan mengakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Terimaan utama bagi kumpulan wang ini adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan, pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, pemberian Persekutuan dan pelbagai terimaan. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	50.00	50.00	0.00	0.0
Terimaan	893.94	943.76	(49.82)	(5.3)
Perbelanjaan	843.94	943.76	(99.82)	(10.6)
LEBIHAN/DEFISIT	50.00	0.00	50.00	0.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	100.00	50.00	50.00	100.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- ii. Pada tahun 2021, kumpulan wang ini telah mencatat lebihan berjumlah RM50 juta kerana terimaan berjumlah RM893.94 juta melebihi perbelanjaan berjumlah RM843.94 juta. Perkara ini menyebabkan baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2021 meningkat menjadi RM100 juta berbanding RM50 juta pada akhir tahun 2020. Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	JABATAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	563.91	680.00	(116.09)	(17.1)
2.	Jabatan Kerja Raya	163.30	121.00	42.30	35.0
3.	Jabatan Agama Islam	54.13	64.42	(10.29)	(16.0)
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	49.43	65.60	(16.17)	(24.6)
5.	Jabatan Pertanian	9.27	7.56	1.71	22.6
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1.99	3.30	(1.31)	(39.7)
7.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	1.70	1.39	0.31	22.3
8.	Pejabat Perbendaharaan Negeri				
	• Projek Am	0.00	0.50	(0.50)	(100.0)
	• Pengkomputeran	0.21	0.00	0.21	100.0
	JUMLAH	843.94	943.77	(99.83)	(10.6)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

b. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-12

- i. Pada tahun 2021, sebanyak RM843.94 juta (83.6%) daripada peruntukan pembangunan berjumlah RM1.01 bilion telah dibelanjakan yang terdiri daripada Kaedah Langsung seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RMKe-12 BAGI TAHUN 2021

KAEADAH	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN
			(%)
Langsung	1,009.64	843.94	83.6
JUMLAH	1,009.64	843.94	83.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

- ii. Lima jabatan telah berbelanja melebihi 80% daripada peruntukan pembangunan dan tiga jabatan iaitu Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Perpendaharaan Negeri dan Jabatan Agama Islam hanya membelanjakan 79.6%, 75% dan 68.5% daripada peruntukan diluluskan. Peruntukan pembangunan dan pencapaian perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RMKe-12
BAGI TAHUN 2021 MENGIKUT JABATAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN
				(%)
1.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	1.71	1.70	99.4
2.	Jabatan Pertanian	9.50	9.27	97.6
3.	Jabatan Kerja Raya	170.81	163.30	95.6
4.	Jabatan Pengairan dan Saliran	51.91	49.43	95.2
5.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	693.94	563.91	81.3
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	2.50	1.99	79.6
7.	Perpendaharaan Negeri	0.28	0.21	75.0
8.	Jabatan Agama Islam	78.99	54.13	68.5
JUMLAH		1,009.64	843.94	83.6

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

- iii. Peruntukan tidak dibelanjakan bagi lima projek berjumlah RM4.04 juta di tiga jabatan adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TIDAK DIBELANJAKAN LANGSUNG

BIL.	PERIHAL PROJEK	PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM Juta)	SEBAB
JABATAN AGAMA ISLAM			
1.	Masjid Ar-Rahmah (RTB) Bukit Changgang	1.70	Projek telah selesai dijalankan pada tahun 2020. Bagaimanapun, terdapat lebihan dari peruntukan projek ini. Lebihan peruntukan ini akan digunakan untuk pindah peruntukan kepada projek yang masih belum siap dan memerlukan peruntukan tambahan.
2.	Madrasah Mujahidden (Sambungan)	0.74	Projek tidak dapat dijalankan kerana PKP dan kekangan jadual perancangan dan pelaksanaan pihak JKR selaku agensi pelaksana. Bagaimanapun, mesyuarat penyelesaian telah diadakan oleh JKR pada 25 Januari 2022.
MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI			
3.	Skim Kesihatan Wanita	0.70	Peruntukan tahun 2021 tidak disalurkan kepada Yayasan Warisan Anak Selangor selaku pengendali program memandangkan masih terdapat baki peruntukan berjumlah RM365,069.65 sehingga 15 Disember 2021. Bagaimanapun, program Skim Kesihatan Wanita akan dilaksanakan bersama Program Selangor Saring pada tahun 2022.
4.	Membina Baru Perpustakaan Daerah Sepang	0.50	Tahun 2021 berlakunya fasa awalan iaitu pra pelaksanaan projek dan akan dilaksanakan pada Januari 2022.
JABATAN KERJA RAYA			
5.	Meningkatkan Aspek Keselamatan Jalan Raya di Daerah Petaling	0.40	Projek ini telah berjaya dilaksanakan dan bayaran telah dibuat pada 26 Januari 2022.
JUMLAH		4.04	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

- iv. Lima projek di dua jabatan bagi justifikasi perbelanjaan kurang daripada 50% berbanding peruntukan adalah seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KURANG DARIPADA 50% BERBANDING PERUNTUKAN

BIL.	PERIHAL PROJEK	PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS BELANJA (%)	SEBAB
MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI					
1.	Pelbagai	80.52	37.40	46.4	Keputusan MMKN 31/2021 telah memutuskan supaya perbelanjaan di bawah projek ini dikawal dengan meluluskan hanya program utama Kerajaan negeri sahaja memandangkan peruntukan ini diwujudkan bagi tujuan perbelanjaan luar jangka dan perbelanjaan yang tidak dirancang dalam penyediaan bajet tahun berikutnya.
2.	Baik Pulih Bangunan Kerajaan	12.76	6.33	49.6	Sejumlah RM6.4 juta tidak dapat dibelanjakan kerana projek-projek yang dijalankan tidak mencapai prestasi seperti yang diunjurkan berikutkan kekangan dan sekatan PKP dan Pelan Pemulihan Negara (PPN).

BIL.	PERIHAL PROJEK	PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS BELANJA (%)	SEBAB
3.	Kerajaan Tempatan	4.50	1.02	22.7	Sejumlah RM2.4 juta tidak diluluskan perbelanjaan disebabkan oleh terdapat empat projek berjumlah RM2.1 juta ditangguhan pelaksanaannya. Satu projek berjumlah RM0.3 juta tidak dapat diteruskan disebabkan terdapat permohonan pertukaran tajuk projek.
4.	Program Alam Sekitar	3.00	0.88	29.3	Program secara fizikal tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan masih dalam tempoh PKP. Program yang tidak berjaya dilaksanakan pada tahun 2021 akan dilaksanakan pada tahun 2022.
JABATAN AGAMA ISLAM					
5.	Masjid Seksyen 24 Shah Alam (Sambungan)	4.50	2.23	49.6	Perbelanjaan hanya 49.5% disebabkan oleh pelaksanaan PKP dan berlakunya arahan perubahan kerja yang melibatkan pertukaran pada pencawang Tenaga Nasional Berhad. LAD berjumlah RM2,411.80 sehingga telah dikenakan kepada pihak kontraktor.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

c. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-12

- i. Sebanyak 224 projek fizikal telah dirancang di bawah RMKe-12 untuk dilaksanakan. Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 37 projek (16.5%) telah disiapkan, 35 projek (15.6%) dalam peringkat pelaksanaan dan 152 projek (67.9%) berstatus belum mula/dalam perancangan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 34** dan **Carta 9**.


JADUAL 34
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-12

BIL.	JABATAN/PEJABAT PELAKSANA	BILANGAN PROJEK DILULUSKAN	STATUS PROJEK		
			SIAP	SEDANG DILAKSANAKAN	BELUM MULA/DALAM PERANCANGAN
1.	Jabatan Pengairan dan Saliran	75	19	8	48
2.	Jabatan Agama Islam	68	6	17	45
3.	Jabatan Kerja Raya	59	8	9	42
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	20	4	1	15
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1	0	0	1
6.	Jabatan Pertanian	1	0	0	1
JUMLAH		224	37	35	152

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

Nota: Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan Perbendaharaan Negeri Selangor hanya melaksanakan projek bukan fizikal dan tidak disenaraikan

CARTA 9
STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-12



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri

ii. Analisis lanjut terhadap pencapaian pelaksanaan projek RMKe-12 sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

- Daripada 35 projek dalam pelaksanaan, sebanyak 28 projek telah lewat disiapkan berbanding jadual. Antara faktor yang menyumbang kepada projek lewat disiapkan berbanding jadual adalah disebabkan kegagalan pihak kontraktor untuk merancang dan mengawal selia sub-kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan kerja tapak, pelaksanaan PKP, pengalihan utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan isu perubahan reka bentuk yang memerlukan semakan semula oleh perunding. Lima projek lewat disiapkan berbanding jadual dengan anggaran peruntukan pembangunan RMKe-12 tahun 2021 yang tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
PROJEK LEWAT BERBANDING JADUAL DENGAN
ANGGARAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RMKe-12 YANG TERTINGGI

BIL.	PROJEK	JABATAN	PERUNTUKAN (RM Juta)
1.	Menaik taraf Jalan B48 dari Simpang 3 Jenderam ke Pekan Sepang Lama (Fasa 3) Pakej A	Jabatan Kerja Raya	14.50
2.	Menaik taraf Jalan B23 Jalan Sg Tua dan Persimpangan Kg. Bendahara Sungai Tua Gombak Selangor		13.00
3.	Menaik taraf B27, Jalan Rawang-Btg. Berjuntai (Fasa 2) dari Persimpangan Bandar Country Homes ke Sempadan Daerah Kuala Selangor		8.00
4.	Projek Tebatan Banjir di Sungai Labu, Mukim Labu	Jabatan Pengairan dan Saliran	10.00
5.	Kompleks Islam Kuala Langat	Jabatan Agama Islam	7.00

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

- Daripada 224 projek di bawah RMKe-12 sebanyak 90 projek masih belum dimulakan dan 62 projek sedang dalam perancangan. Butiran projek belum mula/dalam perancangan mengikut jabatan adalah seperti dalam **Jadual 36**.

JADUAL 36
PROJEK BELUM MULA/DALAM PERANCANGAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT PELAKSANA	STATUS PROJEK	
		BELUM MULA	DALAM PERANCANGAN
1.	Jabatan Agama Islam Selangor	40	5
2.	Jabatan Kerja Raya	18	24
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	17	31
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	14	1
5.	Jabatan Pertanian	1	-
6.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	-	1
JUMLAH		90	62

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

- Analisis Audit terhadap 90 projek yang belum dimulakan mendapati projek tersebut tidak mempunyai peruntukan pada tahun 2021 serta memberi laluan kepada pelaksanaan projek lain yang perlu diberi keutamaan.

8.3.2. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan ditubuhkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Terimaan kumpulan wang ini terdiri daripada pinjaman Kerajaan Persekutuan, caruman Akaun Hasil Disatukan dan Ses Pembangunan Hutan.
- b. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan telah mencatat lebihan berjumlah RM3.28 juta pada tahun 2021 berbanding defisit berjumlah RM1.50 juta pada tahun 2020. Penerimaan berjumlah RM7.23 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM3.95 juta menjadikan baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada akhir tahun 2021 meningkat menjadi RM28.93 juta berbanding RM25.65 juta pada tahun 2020. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada akhir tahun 2021 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

JADUAL 37
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	25.65	27.15	(1.50)	(5.5)
Terimaan	7.23	2.98	4.25	142.6
Perbelanjaan	3.95	4.48	(0.53)	(11.8)
LEBIHAN/DEFISIT	3.28	(1.50)	4.78	318.7
BAKI PADA 31 DISEMBER	28.93	25.65	3.28	12.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.3.3. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

- a. Kumpulan wang ini diwujudkan bertujuan memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada penjawat awam negeri, Anggota Pentadbiran Negeri, Ahli Dewan Negeri Selangor dan staf Badan Berkanun Negeri (Lembaga Urus Air Selangor serta Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor) untuk membeli hartanah berupa tanah dan/atau rumah. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Akaun Hasil Disatukan dan bayaran balik pinjaman perumahan. Unit Pinjaman, Perbadanaharaan Negeri Selangor bertanggungjawab meluluskan pinjaman dan menyelenggara rekod perakaunan berkaitan pengeluaran dan bayaran balik pinjaman perumahan.
- b. Baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan menurun sebanyak RM0.37 juta (13.5%) daripada RM2.75 juta pada akhir tahun 2020 kepada RM2.38 juta pada akhir tahun 2021. Penurunan ini disebabkan oleh pinjaman diberi adalah melebihi tambahan caruman pinjaman dan bayaran balik pokok sebanyak RM0.37 juta. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada akhir tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	2.75	6.31	(3.56)	(56.4)
Tambahan Caruman Pinjaman	11.39	6.10	5.29	86.7
Bayaran Balik Pinjaman	35.68	30.97	4.71	15.2
Faedah Pinjaman	0.00	1.76	(1.76)	(100.0)
Pinjaman Diberi	47.44	42.39	5.05	11.9
BAKI PADA 31 DISEMBER	2.38	2.75	(0.37)	(13.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.3.4. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

- a. Berdasarkan Penyata Kewangan Kerajaan negeri bagi tahun 2021, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2020 dan 2021 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Penyelesaian	(142.50)	(154.77)	12.27	7.9
Akaun Perniagaan	2.40	2.40	0.00	0.0
Akaun Pinjaman	113.49	205.28	(91.79)	(44.7)
Kumpulan Wang Luar Jangka	8.10	8.10	0.00	0.0
Pelbagai Kumpulan Wang (Termasuk Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri)	1,117.82	994.46	123.36	12.4
JUMLAH	1,099.31	1,055.47	43.84	4.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- b. Pada akhir tahun 2021, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan meningkat sebanyak RM43.84 juta (4.2%) kepada RM1.099 bilion berbanding RM1.055 bilion pada tahun 2020. Pelbagai Kumpulan Wang berjumlah RM1.117 bilion pada akhir tahun 2021 merupakan penyumbang utama kepada peningkatan ini dengan lebihan berjumlah RM123.36 juta berbanding tahun 2020. Punca utama peningkatan ketara Pelbagai Kumpulan Wang disebabkan oleh peningkatan pada baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri sebanyak RM48.35 juta pada tahun 2021. Selain itu peningkatan urus niaga Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS) dan peruntukkan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor (TAWAS) masing-masing berjumlah RM40.81 juta dan RM30 juta pada tahun 2021. Sementara itu, Akaun Penyelesaian yang berbaki debit telah meningkat sebanyak RM12.27 juta yang disumbangkan oleh Pelarasan Akaun Kumpulan Bekalan Air. Analisis Audit selanjutnya terhadap Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS), Akaun Penyelesaian dan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah seperti berikut:

i. Tabung Warisan Negeri Selangor

- TWNS diwujudkan di bawah Enakmen Tabung Warisan 1991 yang bertujuan membolehkan Kerajaan negeri mengasingkan sebahagian jumlah wang daripada Akaun Hasil Disatukan bagi faedah dan kesejahteraan warisan akan datang. Kedudukan TWNS pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN TABUNG WARISAN NEGERI SELANGOR
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Aset Semasa	46.79	66.80	(20.01)	(30.0)
Aset Bukan Semasa	683.53	622.73	60.80	9.8
JUMLAH ASET	730.32	689.53	40.79	5.9
Liabiliti Semasa	0.03	0.04	(0.01)	(25.0)
JUMLAH ASET BERSIH	730.29	689.49	40.80	5.9

Sumber: Penyata Kewangan Tabung Warisan Negeri Selangor Tahun 2021 dan 2020

- Pada tahun 2021, jumlah aset bersih meningkat sebanyak RM40.80 juta (5.9%) menjadi RM4730.29 juta berbanding RM689.49 juta pada tahun 2020. Penyumbang utama kepada peningkatan jumlah aset bersih adalah disebabkan oleh peningkatan pendapatan "Pelaburan Mandat Pengurusan" dan faedah atas pinjaman masing-masing sebanyak RM6.95 juta dan RM6.25 juta.
- Pihak TWNS telah mengambil langkah untuk menstruktur semula pelaburan yang lebih mapan dan berdaya tahan untuk tempoh jangka panjang dengan mencairkan keseluruhan pelaburan yang tidak memberangsangkan serta potensi rendah. Pemberian pinjaman jangka pendek juga merupakan salah satu opsyen yang terbaik bagi memastikan pokok pelaburan terpelihara dan pulangan pelaburan yang lebih stabil dan konsisten.

ii. Akaun Penyelesaian

Arahan Perbendaharaan 153 menetapkan semua urusan yang termasuk di bawah Akaun Penyelesaian antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah diselesaikan secepat mungkin melalui Akaun Penyelesaian yang diwujudkan. Pada akhir tahun 2021, tiga Akaun Penyelesaian masih tidak berbaki sifar. Akaun yang berkaitan dan penerangan adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
AKAUN PENYELESAIAN TIDAK BERBAKI SIFAR TAHUN 2021

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN		CATATAN
			(RM Juta)	(%)	
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	2.50	2.50	0.00	0.0	Akaun ini tidak boleh disifarkan kerana merupakan Akaun Peruntukan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga, Akta Tatacara Kewangan 1957.
Akaun Penyelesaian Bank	2.30	2.30	0.00	0.0	Akaun ini tidak boleh disifarkan kerana merupakan Akaun Peruntukan kepada Akaun Urus Niaga bagi akaun di bawah Akaun Penyelesaian.
Pelarasan Akaun Kumpulan Bekalan Air	(147.30)	(159.57)	12.27	(7.7)	Pelarasan berperingkat sejumlah RM12.27 juta setiap tahun telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri untuk dilaksanakan selama 20 tahun mulai tahun 2014 sehingga 2033. Akaun ini telah dilaraskan dengan RM12.27 juta bagi tahun 2021 di bawah Maksud Perbelanjaan Tanggungan T04 (Pelbagai di bawah Kod Belanja 42999 - Pemberian dan Bantuan Lain).

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

iii. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

- Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri diwujudkan untuk mengakaun pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi membiayai penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pegawai Pengawal bagi akaun amanah ini ialah Pegawai Kewangan Negeri.
- Panjang jalan negeri di Negeri Selangor menunjukkan peningkatan sebanyak 406.43 km dari 24,041.52 km pada tahun 2020 kepada 24,447.95 km pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan oleh perkara seperti berikut:
 - Pertambahan data jalan di bawah PBT melalui projek pencerapan data jalan raya bandaran, lorong belakang dan jalan kos perumahan murah yang dijalankan oleh PBT bagi tujuan pendaftaran di sistem MARRIS; dan

- Pemutihan data jalan di dalam sistem MARRIS oleh setiap agensi bagi memastikan tiada data lama dan pertindihan data berlaku yang dilaksanakan dari semasa ke semasa setiap tahun.
- Pada tahun 2021, terimaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah berjumlah RM545.26 juta merupakan pemberian jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri meningkat sebanyak RM48.35 juta (37.5%) daripada RM129.04 juta pada tahun 2020 kepada RM177.39 juta pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan terimaan pada tahun 2021 melebihi perbelanjaan berjumlah RM48.35 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 42**.
- Terimaan pemberian jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan bagi kumpulan wang amanah pada tahun 2021 berjumlah RM545.26 juta menurun sebanyak RM0.92 juta (0.2%) berbanding RM546.18 juta pada tahun 2020. Ini disebabkan pelarasan kesilapan penyaluran peruntukan kepada agensi pelaksana pada tahun 2020.

JADUAL 42
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYENGGARAAN JALAN NEGERI
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	129.04	162.63	(33.59)	(20.7)
Terimaan	545.26	546.18	(0.92)	(0.2)
Bayaran	496.91	579.77	(82.86)	(14.3)
BAKI PADA 31 DISEMBER	177.39	129.04	48.35	37.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

- Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri pada akhir tahun 2017 hingga 2021 dan peratus penggunaan (perbelanjaan berbanding terimaan) antara 91.1% hingga 145.6% adalah seperti dalam **Jadual 43**. Pada tahun 2021, prestasi perbelanjaan adalah 91.1% berbanding 106.2% pada tahun 2020.

JADUAL 43
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYENGGARAAN JALAN NEGERI BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENGUNAAN (%)
2017	370.65	511.93	745.28	137.30	145.6
2018	137.30	527.16	508.62	155.84	96.5
2019	155.84	540.09	533.30	162.63	98.7
2020	162.63	546.18	579.77	129.04	106.2
2021	129.04	545.26	496.91	177.39	91.1

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

8.4. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.4.1. Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada Kerajaan negeri, badan lain dan orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Pada akhir tahun 2021, Kerajaan negeri mempunyai 55 akaun amanah awam yang berbaki RM360.31 juta. Baki ini meningkat sebanyak RM49.51 juta (15.9%) berbanding RM310.79 juta pada tahun 2020. Butiran seperti dalam **Jadual 44**. Penyumbang utama kepada peningkatan baki ini adalah disebabkan peningkatan ketara baki Akaun Amanah Caruman Parit sebanyak RM18.68 juta dan Akaun Amanah Tabung Bencana Khas Negeri Selangor sebanyak RM17.49 juta. Pada tahun 2021 terdapat dua akaun amanah baru diwujudkan berjumlah RM1.96 juta.

JADUAL 44
KUMPULAN WANG AMANAH AWAM BAGI TEMPOH 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	310.79	376.26	(65.47)	(17.4)
Terimaan	520.82	299.45	221.37	73.9
Bayaran	471.30	364.92	106.38	29.2
BAKI PADA 31 DISEMBER	360.31	310.79	49.52	15.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.4.2. Pekeliling Perbendaharaan (PP) – Pengurusan Wang Awam (WP) 10.4 menetapkan akaun amanah awam yang telah mencapai maksud penubuhannya, tidak diperlukan lagi, tidak lagi aktif untuk tempoh setahun hendaklah ditutup. Pada tahun 2021, terdapat tujuh akaun amanah awam ditutup.

8.5. Akaun Deposit

8.5.1. Akaun Deposit diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian dan dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai serta merupakan akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu. Pada akhir tahun 2021, Kerajaan negeri mempunyai 22 Akaun Deposit yang diselenggara oleh 18 jabatan. Kedudukan Akaun Deposit pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 45**.

JADUAL 45
KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020


BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Deposit Am	472.17	557.64	(85.47)	(15.3)
Deposit Khusus	91.65	41.97	49.68	118.4
Deposit Pelarasan	15.30	17.43	(2.13)	(12.2)
JUMLAH	579.12	617.04	(37.92)	(6.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

8.5.2. Analisis Audit menunjukkan baki deposit telah menurun sebanyak RM37.92 juta (6.1%) kepada RM579.12 juta pada tahun 2021 berbanding RM617.04 juta pada tahun 2020. Penyumbang utama adalah penurunan pada Deposit Am yang melibatkan baki Akaun Deposit Lelong Harta Kerajaan (70109) dan Akaun Deposit Cagaran (70103) masing-masing berkurangan sebanyak RM69.52 juta (21.6%) dan RM13.49 juta (7.9%) disebabkan oleh bayaran balik deposit pengambilan tanah yang mula dibayar balik pada tahun 2020 sehingga 2021. Selain itu, Deposit Khusus menunjukkan peningkatan sebanyak RM49.68 juta (118.4%) yang melibatkan peningkatan pada baki Akaun Deposit Pejabat Tanah (70207) dan Akaun Deposit Pemaju Perumahan (70205) masing-masing meningkat sebanyak RM47.51 juta (538.9%) dan RM2.55 juta (96.9%).

8.5.3. Deposit yang dikutip dan telah mencapai tujuannya tetapi tidak dituntut oleh pendeposit selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang telah diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Sehingga 31 Disember 2021, baki terkumpul deposit tahun lalu yang telah mencapai tujuannya/tidak diperlukan telah berkurangan sebanyak RM231.27 juta menjadikan baki terkumpul deposit tahun lalu berjumlah RM385.77 juta.

8.5.4. Baki Akaun Deposit menunjukkan peningkatan setiap tahun kecuali tahun 2021. Peningkatan tahun 2020 merupakan peningkatan paling ketara disebabkan oleh pengelasan semula akaun deposit berdasarkan carta akaun iSPEKS. Analisis trend Kedudukan Akaun Deposit bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Carta 10**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala liabiliti Kerajaan negeri terdiri daripada hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Lain. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 adalah berjumlah RM988.26 juta, iaitu penurunan sebanyak RM136.12 juta (12.1%) berbanding RM1.124 bilion pada tahun 2020. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 46**.

JADUAL 46
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

KATEGORI PEMINJAM	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Badan Berkanun Negeri	50.00	91.40	(41.40)	(45.3)
Pihak Berkuasa Tempatan	55.88	68.28	(12.40)	(18.2)
Badan-badan Lain	882.38	964.70	(82.32)	(8.5)
BAKI PADA 31 DISEMBER	988.26	1,124.38	(136.12)	(12.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.1.2. Penurunan baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM136.12 juta pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah disebabkan penerimaan bayaran balik dan pelarasan berjumlah RM336.54 juta. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 47**.

JADUAL 47
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2021

AGENSI PEMINJAM	BAKI PINJAMAN 1.1.2021 (RM Juta)	PENYALURAN PINJAMAN BARU/LAMA/ PINDAHAN (RM Juta)	FAEDAH/PELARASAN DIKENAKAN DALAM TAHUN 2021 (RM Juta)	BAYARAN BALIK/ PELARASAN (RM Juta)	BAKI PINJAMAN 31.12.2021 (RM Juta)
BADAN BERKANUN NEGERI					
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	91.40	-	1.66	43.06	50.00
JUMLAH	91.40	-	1.66	43.06	50.00
PIHAK BERKUASA TEMPATAN					
Majlis Bandaraya Shah Alam	26.08	-	-	1.86	24.22
Majlis Bandaraya Subang Jaya	14.32	-	0.17	2.75	11.74
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	4.87	-	-	4.87	0.00
Majlis Perbandaran Kuala Selangor	9.70	-	-	1.39	8.31
Majlis Perbandaran Kuala Langat	3.63	-	-	1.67	1.96
Majlis Perbandaran Kajang	3.16	2.27	0.009	1.44	4.00
Majlis Daerah Sabak Bernam	6.52	-	-	0.88	5.64
JUMLAH	68.28	2.27	0.18	14.86	55.87
BADAN-BADAN LAIN					
Mantapmurni Sdn. Bhd.	138.20	-	16.53	-	154.73
Air Selangor Holdings Berhad (Kumpulan Darul Ehsan Berhad)	244.33	-	1.03	222.64	22.72
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	248.70	-	-	-	248.70
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	92.89	15.00	-	-	107.89

AGENSI PEMINJAM	BAKI PINJAMAN 1.1.2021 (RM Juta)	PENYALURAN PINJAMAN BARU/LAMA/ PINDAHAN (RM Juta)	FAEDAH/PELARASAN DIKENAKAN DALAM TAHUN 2021 (RM Juta)	BAYARAN BALIK/ PELARASAN (RM Juta)	BAKI PINJAMAN 31.12.2021 (RM Juta)
Yayasan Hijrah Selangor	80.00	15.00	-	17.50	77.50
KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	48.93	-	1.80	10.80	39.93
Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	24.00	-	-	24.00	-
Landasan Lumayan Sdn. Bhd.	33.20	11.80	-	-	45.00
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	24.57	0.10	-	-	24.67
Yayasan Selangor	12.81	7.00	-	3.00	16.81
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	12.96	-	-	0.48	12.48
Kolej Antarabangsa INPENS	4.11	-	-	0.20	3.91
Selgate Healthcare Sdn. Bhd.	-	127.50	0.55	-	128.05
JUMLAH	964.70	176.40	19.91	278.62	882.39
JUMLAH KESELURUHAN	1,124.38	178.67	21.75	336.54	988.26

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

9.1.3. Analisis Audit terhadap baki kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut tahun 2021 mendapatkan perkara seperti berikut:

- Pada tahun 2021, Kerajaan negeri telah menyalurkan pinjaman berjumlah RM178.67 juta. Sebanyak RM164.50 juta disalurkan untuk empat pinjaman baharu manakala RM14.17 juta disalurkan untuk dua pinjaman lama. Penyaluran pinjaman baharu adalah untuk tujuan bantuan dana bagi menampung kos perbelanjaan operasi Yayasan Selangor bagi tahun 2021 (RM7 juta), bantuan kewangan bagi meringankan beban kewangan dan aliran tunai Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (RM15 juta), dana tambahan pelaksanaan Program Hijrah oleh Yayasan Hijrah Selangor (RM15 juta) dan pembiayaan bagi pelaksanaan Program Vaksinasi Covid-19 Negeri Selangor oleh Selgate Healthcare Sdn. Bhd. (RM127.50 juta).
- Sebanyak RM327.87 juta (97.4%) daripada RM336.54 juta bayaran balik/pelarasan merupakan bayaran balik pinjaman. Selain itu, baki sebanyak RM8.67 juta (2.6%) adalah merupakan pelarasan bagi penjadualan semula pinjaman.


9.1.4. Analisis trend kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2017 hingga 2021 menunjukkan baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat dari tahun 2017 hingga 2018 sebelum menurun pada tahun 2019 hingga 2021. Trend kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 48** dan **Carta 11**.

JADUAL 48
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH DITUNTUT
BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021

AGENSI PEMINJAM	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
BADAN BERKANUN NEGERI					
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	88.00	72.00	72.00	91.40	50.00
JUMLAH	88.00	72.00	72.00	91.40	50.00
PIHAK BERKUASA TEMPATAN					
Majlis Bandaraya Shah Alam	1.67	19.85	27.94	26.08	24.22
Majlis Bandaraya Subang Jaya	23.83	18.12	16.74	14.32	11.74
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	24.33	19.47	12.47	4.87	-
Majlis Perbandaran Kajang	4.54	2.32	1.52	3.16	4.00
Majlis Perbandaran Kuala Langat	-	4.19	5.08	3.63	1.96
Majlis Perbandaran Kuala Selangor	13.85	12.46	11.08	9.70	8.31
Majlis Daerah Sabak Bernam	8.96	8.16	7.40	6.52	5.64
JUMLAH	77.18	84.57	82.23	68.28	55.87
BADAN-BADAN LAIN					
Mantapmurni Sdn. Bhd.	-	-	258.20	138.20	154.72
Air Selangor Holdings (Kumpulan Darul Ehsan Berhad)	657.37	668.03	244.33	244.33	22.72
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	88.22	188.22	226.26	248.70	248.70
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	100.85	106.08	92.89	92.89	107.89
Yayasan Hijrah Selangor	50.00	37.50	62.50	80.00	77.50
KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	36.56	48.93	48.93	48.93	39.93
Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	26.00	24.00	24.00	24.00	-
Landasan Lumayan Sdn. Bhd.	7.70	8.76	23.72	33.20	45.00
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	10.68	18.07	22.67	24.57	24.67
Yayasan Selangor	21.81	18.81	15.81	12.81	16.81
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	14.34	13.92	13.44	12.96	12.48
Kolej Antarabangsa INPENS	4.18	4.21	4.11	4.11	3.92
Selgate Healthcare Sdn. Bhd.	-	-	-	-	128.05
JUMLAH	1,017.71	1,136.53	1,036.86	964.70	882.39
BAKI PADA 31 DISEMBER	1,182.89	1,293.10	1,191.09	1,124.38	988.26

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 11
KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9.1.5. Analisis Audit selanjutnya mendapati tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh dituntut menurun sebanyak RM23.89 juta (24.9%) kesan daripada penurunan tunggakan yang dicatatkan oleh Badan Berkanun Negeri. Faktor utama yang menyebabkan penurunan tunggakan pinjaman adalah kerana PKNS telah membuat bayaran pokok yang berjumlah RM30.40 juta. Perbandingan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut antara tahun 2021 dengan 2020 seperti dalam **Jadual 49**.

JADUAL 49
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

AGENSI PEMINJAM	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Badan Berkanun Negeri	0.00	30.40	(30.40)	(100.0)
Pihak Berkuasa Tempatan	9.07	11.22	(2.15)	(19.2)
Badan-badan Lain	62.72	54.06	8.66	16.0
JUMLAH	71.79	95.68	(23.89)	(24.9)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020


9.1.6. Analisis trend kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Lain bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 dan pergerakan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 50** dan **Carta 12**.

JADUAL 50
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021

AGENSI PEMINJAM	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri	-	-	-	30.40	-
Pihak Berkuasa Tempatan	17.16	14.67	12.60	11.22	9.07
Badan-badan Lain	60.74	491.24	79.87	54.06	62.72
JUMLAH	77.90	505.91	92.47	95.68	71.79

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

CARTA 12
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK PINJAMAN BOLEH DITUNTUT BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9.1.7. Pergerakan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2021 adalah seperti dalam **Jadual 51**.

JADUAL 51
PERGERAKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA TAHUN 2021

AGENSI PEMINJAM	TUNGGAKAN 1.1.2021 (RM Juta)	ANUITI TAHUNAN (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN SEHINGGA TAHUN 2021 (RM Juta)	PELARASAN /PINDAHAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK (RM Juta)	TUNGGAKAN SETAKAT 31.12.2021 (RM Juta)
PIHAK BERKUASA TEMPATAN						
Majlis Perbandaran Kuala Selangor	9.69	-	9.69	1.38	-	8.31
Majlis Daerah Sabak Bernam	0.76	0.88	1.64	0.76	0.12	0.76
JUMLAH	10.45	0.88	11.33	2.14	0.12	9.07
BADAN-BADAN LAIN						
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	12.96	-	12.96	0.48	-	12.48
Yayasan Selangor	12.81	-	12.81	3.00	-	9.81
Air Selangor Holdings (Kumpulan Darul Ehsan Berhad)	6.19	6.19	12.38	-	-	12.38
Selgate Healthcare Sdn. Bhd.	-	28.05	28.05	-	-	28.05
JUMLAH	31.96	34.24	66.20	3.48	-	62.72
JUMLAH KESELURUHAN	42.41	35.12	77.53	5.62	0.12	71.79

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan Kerajaan negeri dalam syarikat melalui Pejabat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI] ditunjukkan dalam Penyata Memorandum Pelaburan. Pelaburan dibuat sama ada menggunakan peruntukan mengurus atau pembangunan. Kedudukan pelaburan mengikut nilai buku pada 31 Disember 2021 dalam sembilan syarikat adalah berjumlah RM413.75 juta. Analisis trend kedudukan pelaburan melalui MBI bagi tempoh lima tahun mendapati pelaburan berjumlah RM191.10 juta tidak berubah bagi empat tahun berturut-turut, iaitu tahun 2017 hingga 2020 dan meningkat sebanyak RM222.65 juta (116.5%) pada tahun 2021. Peningkatan ini disebabkan oleh pinjaman dalam bentuk modal saham keutamaan daripada Kerajaan Negeri Selangor kepada Air Selangor Holding Berhad (dahulunya dikenali sebagai KDEB) berjumlah RM200 juta berserta kadar faedah untuk pinjaman Skim Air Percuma sebagai Saham Keutamaan yang boleh ditukar dan ditebus pada harga par berjumlah RM0.01 dan premium saham sebanyak RM0.99 sesaham. Kedudukan Pelaburan melalui MBI pada akhir tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam seperti dalam **Jadual 52**.

JADUAL 52
KEDUDUKAN PELABURAN MELALUI MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)
BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021

SYARIKAT	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Air Selangor Holding Berhad - Saham Biasa - Saham Keutamaan <i>(dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Darul Ehsan Berhad)</i>	104.06 -	104.06 -	104.06 -	104.06 -	104.06 222.65
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYSB)	60.64	60.64	60.64	60.64	60.64
Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	24.00	24.00	24.00	24.00	24.00
Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM)	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
Invest Selangor Berhad (ISB)	0.60	0.60	0.60	0.60	0.60
Perbadanan Nasional Berhad (PNB)	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
Tourism Selangor Sdn. Bhd.	0.30	0.30	0.30	0.30	0.30
JUMLAH	191.10	191.10	191.10	191.10	413.75

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9.2.2. Tiada pembayaran dividen dibuat kepada Kerajaan negeri pada tahun 2021. Dividen terkumpul yang diterima bagi tempoh tahun 2017 hingga 2021 berjumlah RM67,385 adalah seperti dalam **Jadual 53**.

JADUAL 53
DIVIDEN DITERIMA BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021

TAHUN	JUMLAH PELABURAN (RM Juta)	DIVIDEN DITERIMA		SYARIKAT YANG MEMBAYAR
		JUMLAH (RM)	TAHUN KEWANGAN	
2017	191.10	-	-	-
2018	191.10	67,385	2016 dan 2017	PNB
2019	191.10	-	-	-
2020	191.10	-	-	-
2021	413.75	-	-	-
JUMLAH	67,385			

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9.2.3. Pada tahun 2021, Kerajaan negeri tidak menerima apa-apa pembayaran dividen tunai daripada anak syarikat. Bagaimanapun, dua anak syarikatnya, iaitu PNSB dan KSSB telah memberi pelbagai sumbangan berjumlah RM16.03 juta untuk menjayakan program dan aktiviti Kerajaan Negeri Selangor. KSSB merupakan penyumbang tertinggi berjumlah RM10.40 juta, manakala lima syarikat lain, iaitu PIYSB, ISB, DEFM, Tourism Selangor Sdn. Bhd. dan Rantaian Mesra Sdn. Bhd. yang tidak membayar dividen merupakan syarikat bukan berorientasikan keuntungan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 54**.

JADUAL 54
SUMBANGAN DITERIMA PADA TAHUN 2021

SYARIKAT	BENTUK SUMBANGAN		
	SAMBUTAN PERAYAAN (RM Juta)	SUMBANGAN LAIN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	-	5.63	5.63
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB)	0.50	9.90	10.40
JUMLAH	0.50	15.53	16.03

Sumber: Pemerbadanan Menteri Besar

9.3. Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Hutang Awam Kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 berbanding tahun 2020 adalah seperti dalam **Jadual 55**.

JADUAL 55
KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	BUTIRAN	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Projek Bekalan Air	17.31	1,084.76	(1,067.45)	(98.4)
2.	Amanah Saham Selangor	5.25	6.87	(1.62)	(23.6)
3.	Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya	8.95	13.16	(4.21)	(32.0)
JUMLAH		31.51	1,104.79	(1,073.28)	(97.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021 dan 2020

9.3.2. **Pada tahun 2021, Hutang Awam telah mencatatkan penurunan ketara sebanyak RM1.073 bilion (97.1%) kepada RM31.51 juta berbanding RM1.105 bilion pada tahun 2020.** Penurunan ini disebabkan baki pinjaman bagi Projek Bekalan Air telah dinovasikan daripada Kerajaan negeri kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) berjumlah RM1.072 bilion serta bayaran balik pokok hutang berjumlah RM5.83 juta dan faedah pinjaman berjumlah RM0.80 juta. Bayaran balik pokok hutang terdiri daripada Amanah Saham Selangor berjumlah RM1.62 juta dan Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya berjumlah RM4.21 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 56**.

JADUAL 56
PERGERAKAN HUTANG AWAM PADA TAHUN 2021

BUTIRAN	BAKI PADA 1 JAN 2021 (RM Juta)	TERIMAAN PINJAMAN (RM Juta)	DINOVASI KEPADА PAAB/ BAYARAN POKOK PINJAMAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DIS 2021 (RM Juta)
PROJEK BEKALAN AIR				
a. Projek Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (No. Pinjaman: 110B/2012/041)	27.00	0.00	27.00	0.00
b. Projek Menaik Taraf Stesen Mengepam Air Mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (No. Pinjaman: 110B/2011/050)	39.34	0.00	39.34	0.00
c. Penjadualan Semula Pinjaman Projek Bekalan Air Negeri Selangor (No. Pinjaman: 110B/2011/051)	657.68	0.00	657.68	0.00
d. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Naik Taraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (No. Pinjaman: 110B/2012/038)	66.94	0.00	66.94	0.00
e. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (No. Pinjaman: 110B/2012/039)	81.00	0.00	81.00	0.00
f. Projek Skim Pemindahan Pukal Rasa (No. Pinjaman: 110B/2012/040)	37.90	0.00	37.90	0.00
g. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP 1) (No. Pinjaman: 110B/2016/001)	20.17	0.00	20.17	0.00
h. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP 3) Bukit Badong. (No. Pinjaman: 110B/2016/002)	67.07	0.00	67.07	0.00
i. Projek Menaik Taraf dan Meningkatkan Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Langat (No. Pinjaman: 110B/2016/056)	48.18	0.00	48.18	0.00
j. Pelaksanaan Program Mitigasi Tambahan bagi Mengurangkan Risiko Berlakunya Krisis Bekalan Air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Projek Menaik Taraf Rumah Pam) (No. Pinjaman: 110B/2016/057)	39.48	4.88	27.04	17.31
JUMLAH	1,084.76	4.88	1,072.32	17.31
Amanah Saham Selangor	6.87	0.00	1.62	5.25
Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya	13.16	0.00	4.21	8.95
JUMLAH	20.03	0.00	5.83	14.20
JUMLAH KESELURUHAN	1,104.79	4.88	1,078.15	31.51

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2021

Nota: (i) Bayaran balik pokok hutang - RM5.83 juta + RM0.80 juta (Faedah Pinjaman) = RM6.63 juta

(ii) Terimaan pinjaman berjumlah RM4.88 juta merupakan terimaan dari Kerajaan Persekutuan yang disalurkan kepada Kerajaan negeri pada tahun 2020 tetapi diperakaunkan oleh Kerajaan negeri pada tahun 2021.

9.3.3. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2017 hingga 2020 tidak mengalami perubahan yang ketara kecuali tahun 2021 seperti dalam **Carta 13**.



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9.3.4. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada tahun 2017 hingga 2021 adalah seperti dalam **Jadual 57**.

JADUAL 57
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN
BALIK HUTANG AWAM BAGI TEMPOH 2017 HINGGA 2021

BUTIRAN	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	2021 (RM Juta)
Projek Bekalan Air	13.86	0.00	28.55	59.52	0.86

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2017 hingga 2021

9.3.5. Baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam mulai menurun dari tahun 2017 hingga 2018. Bagaimanapun pada akhir tahun 2019, baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam menunjukkan peningkatan ketara berjumlah RM28.55 juta sehingga mencapai RM59.52 juta pada akhir tahun 2020 bagi projek bekalan air dan menurun semula pada tahun 2021 berjumlah RM0.86 juta. Tunggakan ini adalah disebabkan tiada bayaran balik dibuat bagi baki hutang projek bekalan air yang masih belum dinovasi kepada PAAB. Kerajaan negeri telah mengemukakan semula permohonan kepada Kerajaan Persekutuan bagi membolehkan keseluruhan hutang projek bekalan air dilaraskan dan dinovasikan kepada PAAB sepenuhnya.

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor. Selain itu, ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah wang yang sepatutnya diterima oleh kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. ABT terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Pada tahun 2021, baki ABT berjumlah RM523.13 juta menunjukkan peningkatan sebanyak RM41.04 juta (8.5%) berbanding RM482.09 juta pada tahun 2020. Kedudukan ABT pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 58**.

JADUAL 58
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BUTIRAN	2021 (RM)	2020 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
TUNGGAKAN HASIL				
1. Cukai Tanah dan Cukai Petak	446,836,635	383,977,272	62,859,363	16.4
2. Lain-lain Hasil	2,547,512	1,252,577	1,294,935	103.4
3. Perpendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	1,364,811	4,416,137	(3,051,326)	(69.1)
4. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	113,362	91,331	22,031	24.1
5. Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut:				
a. Kumpulan Darul Ehsan Bhd.	4,391,101	2,195,551	2,195,550	100.0
b. Selgate Healthcare Sdn. Bhd.	550,000	0	550,000	100.0
c. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	0	400,000	(400,000)	(100.0)
JUMLAH	455,803,421	392,332,868	63,470,553	16.2
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN				
1. Perpendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	1,178,423	1,124,284	54,139	4.8
2. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri: Seksyen Sektoral (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	688,935	706,084	(17,149)	(2.4)
3. Pejabat Daerah dan Tanah Klang (Pentadbiran)	2,107	0	2,107	100.0
4. Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor (Pentadbiran)	2,023	0	2,023	100.0
3. Pinjaman Boleh Dituntut:				
a. Selgate Healthcare Sdn. Bhd.	27,500,000	0	27,500,000	100.0

BUTIRAN	2021 (RM)	2020 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
b. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	12,000,000	12,480,000	(480,000)	(3.8)
c. Kumpulan Darul Ehsan Berhad	8,000,000	4,000,000	4,000,000	100.0
d. Majlis Daerah Kuala Selangor	6,925,000	8,310,000	(1,385,000)	(16.7)
e. Majlis Bandaraya Subang Jaya	(200,000)	(87,253)	(112,747)	(129.2)
f. Yayasan Selangor	6,806,698	9,806,698	(3,000,000)	(30.6)
g. Majlis Daerah Sabak Bernam	0	760,000	(760,000)	(100.0)
h. Institut Pendidikan Negeri Selangor	0	100,000	(100,000)	(100.0)
i. KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	0	18,000,000	(18,000,000)	(100.0)
j. Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	0	4,000,000	(4,000,000)	(100.0)
k. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	0	30,000,000	(30,000,000)	(100.0)
JUMLAH	62,903,186	89,199,813	(26,296,627)	(29.5)
TUNGGAKAN HUTANG LAIN				
1. Jabatan Agama Islam	3,806,955	164,385	3,642,570	2,215.9
2. Pejabat Daerah dan Tanah Klang (Pentadbiran)	314,247	16,588	297,659	1,794.4
3. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri	216,970	228,470	(11,500)	(5.0)
4. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Bahagian Kewangan	41,686	-	41,686	100.0
5. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	24,813	29,554	(4,741)	(16.0)
6. Jabatan Perancang Bandar dan Desa	20,377	26,242	(5,865)	(22.3)
7. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	-	33,211	(33,211)	(100.0)
8. Jabatan Kerja Raya Daerah Gombak	225	12,796	(12,571)	98.2
9. Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling	2,311	4,111	(1,800)	(43.8)
10. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Bahagian Khidmat Pengurusan	-	13,161	(13,161)	(100.0)
11. Jabatan Kerja Raya Daerah Kuala Selangor	-	8,250	(8,250)	(100.0)
12. Istana Alam Shah	-	1,904	(1,904)	(100.0)
13. Pejabat Tanah dan Galian	-	21,947	(21,947)	(100.0)
JUMLAH	4,427,584	560,619	3,866,965	689.8
JUMLAH KESELURUHAN	523,134,191	482,093,300	41,040,891	8.5

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.2. Penyumbang utama kepada peningkatan tunggakan hasil adalah cukai tanah dan cukai petak. Peningkatan ini disebabkan syarikat yang mempunyai tunggakan cukai tanah yang besar tidak menjelaskan bayaran, alamat bil yang tidak dikemas kini menyebabkan bil tersebut dikembalikan akibat alamat tidak lengkap dan ada syarikat yang dalam penggulungan.


10.1.3. Tunggakan cukai tanah dan cukai petak tahun 2021 telah meningkat sebanyak RM62.86 juta (16.4%) berbanding tahun 2020. Penyumbang utama kepada peningkatan cukai tanah dan cukai petak tahun 2021 adalah Pejabat Daerah dan Tanah Petaling dan Pejabat Daerah dan Tanah Sepang masing-masing sebanyak RM21.61 juta dan RM12.54 juta. Kedudukan tunggakan cukai tanah dan cukai petak mengikut Pejabat Daerah dan Tanah pada tahun 2021 berbanding 2020 adalah seperti dalam **Jadual 59** dan **Carta 14**.

JADUAL 59
TUNGGAKAN CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK MENGIKUT
PEJABAT DAERAH DAN TANAH PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

BIL.	PEJABAT DAERAH DAN TANAH	2021 (RM Juta)	2020 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Petaling	163.66	142.05	21.61	15.2
2.	Gombak	71.55	62.41	9.14	14.6
3.	Klang	65.58	59.01	6.57	11.1
4.	Hulu Langat	48.33	45.24	3.09	6.8
5.	Hulu Selangor	46.32	39.52	6.80	17.2
6.	Sepang	30.96	18.42	12.54	68.1
7.	Kuala Selangor	10.06	8.96	1.10	12.3
8.	Kuala Langat	9.06	7.27	1.79	24.6
9.	Sabak Bernam	1.32	1.10	0.22	20.0
JUMLAH		446.84	383.98	62.86	16.4

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

CARTA 14
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK
PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020



Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.4. Analisis Audit mendapati daripada keseluruhan ABT pada tahun 2021 berjumlah RM523.13 juta, sebanyak RM187.97 juta merupakan ABT yang melebihi enam tahun seperti dalam **Jadual 60**.

JADUAL 60
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA
MELEBIHI ENAM TAHUN PADA TAHUN 2021 BERBANDING 2020

KATEGORI/JABATAN	ABT MELEBIHI 6 TAHUN		PERUBAHAN	
	2021 (RM)	2020 (RM)	(RM)	(%)
TUNGGAKAN HASIL				
1. Cukai Tanah dan Cukai Petak	174,148,966	159,260,110	14,888,856	9.3
2. Perpendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	1,048,886	4,295,660	(3,246,774)	(75.6)
3. Lain-lain Hasil	228,540	177,385	51,155	28.8
4. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri: - Seksyen Sektoral (Tabung Kumpuan Wang Amanah Pembangunan Belia)	65,367	67,356	(1,989)	(3.0)
JUMLAH	175,491,759	163,800,511	11,691,248	7.1
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN				
1. Perpendaharaan Negeri (Analisis Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman) -Tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut	9,650,000	14,372,514	(4,722,514)	(32.9)
2. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri: - Seksyen Sektoral (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	688,934	706,084	(17,150)	(2.4)
3. Perpendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	523,248	712,899	(189,651)	(26.6)
JUMLAH	10,862,182	15,791,497	(4,929,315)	(31.2)
TUNGGAKAN HUTANG LAIN				
1. Jabatan Agama Islam	1,535,220	164,385	1,370,835	833.9
2. Jabatan Kehakiman Tinggi Syariah, Shah Alam	78,750	38,900	39,850	102.4
3. Pejabat Daerah/Tanah Klang	4,855	2,316	2,539	109.6
4. Pejabat Tanah dan Galian Selangor	0	21,947	(21,947)	(100.0)
5. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	0	7,422	(7,422)	(100.0)
JUMLAH	1,618,825	234,970	1,383,855	588.9
JUMLAH KESELURUHAN	187,972,766	179,826,978	8,145,788	4.5

Sumber: Pejabat Perpendaharaan Negeri

10.1.5. Berdasarkan jadual di atas, ABT melebihi enam tahun telah meningkat sebanyak RM8.14 juta (4.5%) daripada RM179.83 juta pada tahun 2020 kepada RM187.97 juta. Kedudukan ABT mengikut tempoh tunggakan adalah seperti dalam **Jadual 61**.

JADUAL 61
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA TAHUN 2021
MENGIKUT TEMPOH TUNGGAKAN

BIL.	KATEGORI/JABATAN	1 TAHUN 2021 (RM)	1 – 3 TAHUN 2021 (RM)	3 – 6 TAHUN 2021 (RM)	> 6 TAHUN 2021 (RM)
TUNGGAKAN HASIL					
1.	Cukai Tanah dan Cukai Petak	102,081,084	113,894,335	56,810,914	174,148,967
2.	Perbendaharaan Negeri (Analisis Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman) - Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut	2,745,551	2,195,550	0	0
3.	Lain-lain Hasil	435,753	703,300	1,081,255	228,540
4.	Perbendaharaan Negeri - Pinjaman Perumahan/Kenderaan /Komputer	38,528	22,602	254,795	1,048,886
	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Unit Taska)	26,620	0	0	0
5.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri: Bahagian Khidmat Pengurusan (Unit Kuarters)	0	0	21,375	0
	Seksyen Sektoral (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	0	0	0	65,367
	JUMLAH	105,327,536	116,815,787	58,168,339	175,491,759
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN					
1.	Perbendaharaan Negeri (Analisis Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman) - Tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut	32,060,000	7,475,837	11,845,861	9,650,000
2.	Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/ Kenderaan /Komputer	316,846	121,402	216,927	523,248
3.	Pejabat Daerah dan Tanah Klang	2,107	0	0	0
4.	Pejabat Daerah dan Hulu Selangor	2,023	0	0	0
5.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri: Seksyen Sektoral (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	0	0	0	688,934
	JUMLAH	32,380,976	7,597,239	12,062,788	10,862,182
TUNGGAKAN HUTANG LAIN					
1.	Pejabat Daerah dan Tanah Klang	300,478	8,914		4,855
2.	Jabatan Agama Islam	102,710	163,397	2,005,628	1,535,220
3.	Jabatan Kehakiman Tinggi Syariah	9,000	45,370	83,850	78,750
4.	Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor	7,096	1,687	11,595	0
5.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	0	24,813	0	0
6.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri: Bahagian Kewangan	0	16,557	25,128	0
7.	Jabatan Kerja Raya Daerah Petaling	0	0	2,311	0
8.	Jabatan Kerja Raya Daerah Gombak	0	0	225	0
	JUMLAH	419,284	260,738	2,128,737	1,618,825
	JUMLAH KESELURUHAN	138,127,796	124,673,764	72,359,864	187,972,766

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

- 11.1. Baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sebanyak RM358.69 juta (14.7%), iaitu daripada RM2.445 bilion pada tahun 2020 menjadi RM2.804 bilion;
- 11.2. Akaun Hasil Disatukan mencatat lebihan sebanyak RM250.34 juta berbanding tahun 2020 berjumlah RM116.13 juta. Dengan itu, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2021 meningkat kepada RM633.76 juta;
- 11.3. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM26.44 juta, iaitu daripada RM2.258 bilion pada tahun 2020 menjadi RM2.284 bilion pada tahun 2021. Perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM2.034 bilion, iaitu menurun sebanyak RM107.77 juta (5%) berbanding RM2.142 bilion pada tahun 2020;
- 11.4. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM136.12 juta, iaitu daripada RM1.124 bilion pada tahun 2020 menjadi RM988.26 juta pada tahun 2021;
- 11.5. Hutang Awam dan tunggakan Hutang Awam adalah berjumlah RM31.51 juta dan RM0.86 juta masing-masing menurun sebanyak RM1.073 bilion dan RM58.66 juta;
- 11.6. Akaun Belum Terima serta tunggakan cukai tanah dan cukai petak adalah berjumlah RM523.13 juta dan RM446.84 juta masing-masing meningkat sebanyak RM41.04 juta (8.5%) dan RM62.86 juta (16.4%); dan
- 11.7. sebanyak RM843.94 juta (83.6%) telah dibelanjakan di bawah RMKe-12 bagi tahun 2021 . Sehingga akhir tahun 2021, sebanyak 37 projek (16.5%) telah disiapkan, 35 projek (15.6%) sedang dalam pelaksanaan dan 152 projek (67.9%) belum mula/dalam perancangan.

12. SYOR AUDIT

Bagi mempertingkat dan memperkuuhkan lagi prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan untuk mempertimbangkan perkara berikut:

- 12.1. memastikan semua jabatan negeri mengambil langkah proaktif untuk memastikan tuntutan/bil diterima dan diselesaikan pembayarannya sebelum tarikh penutupan akaun bagi mengurangkan pembayaran di bawah AP58(a); dan
- 12.2. meningkatkan usaha mengutip tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.